

20 JAN 1998

Mahathir-Pertemuan

MAHATHIR RANCANG PERTEMUAN DENGAN PARA PEMIMPIN ASEAN

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata beliau akan menemui beberapa lagi pemimpin negara jiran dalam Asean bagi membincangkan masalah ekonomi yang melanda rantau ini.

Beliau bercadang menemui Presiden Filipina Fidel Ramos dan Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai bulan depan.

Beliau memberitahu pemberita demikian pada sidang berita selepas merasmikan serentak Kampus Institut Profesional Baitulmal, Yayasan Pembangunan Masjid Wilayah Persekutuan dan Buku Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menemui Presiden Indonesia Suharto minggu lalu di Jakarta dan hari ini beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di Johor Baharu.

Dr Mahathir berkata beliau dan Goh telah bertukar-tukar pendapat mengenai masalah ekonomi di rantau ini.

"Dia (Goh) anggap kalau kita tidak berhati-hati, akan jadi masalah yang serius. Bagaimanapun beliau nampak ada pemulihan dan harap keadaan di Indonesia lega supaya dapat teruskan pemulihan ini," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Goh turut memberi jaminan untuk terus membantu Indonesia walaupun keadaan ekonominya (Indonesia) pada masa ini kelihatan tidak begitu mudah untuk pulih dalam masa yang terdekat.

Malaysia pula menyatakan mengenai langkah-langkah yang telah diambil seperti penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan bagaimana untuk melindungi ekonomi negara daripada keadaan yang melanda negara-negara lain.

Dr Mahathir berkata Singapura juga menganggap bahawa soal mengembalikan keyakinan telah memainkan peranan yang keterlaluan dalam kegawatan ekonomi ini berbanding faktor-faktor asas. -- BERNAMA

SHO RON